



01 JAN, 2026

## Pusat data berdepan penalti jika gagal guna tenaga ditempah

Berita Harian, Malaysia



# Pusat data berdepan penalti jika gagal guna tenaga ditempah

**Kerajaan** kini memperketatkan syarat bekalan elektrik untuk pusat data bagi memastikan kapasiti tenaga yang ditempah digunakan secara optimum.

Langkah itu diambil bagi menangani isu ketidakpadanan yang semakin ketara antara tempahan kapasiti grid dengan penggunaan sebenar oleh pemain industri, selain memastikan sumber negara diuruskan dengan lebih cekap.

Menurut penganalisis BIMB Securities, Nabil Zainoodin dalam nota penyelidikan semalam, inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Suruhanjaya Tenaga itu bertujuan membendung amalan tempahan kapa-

siti secara spekulatif.

Tindakan sedemikian katanya, dikhuatiri berisiko mewujudkan aset grid terbiar yang boleh menjejaskan perancangan sistem tenaga negara bagi jangka masa panjang.

“Di bawah peraturan baharu yang disemak semula itu, pusat data diwajibkan memenuhi ambang penggunaan minimum sebanyak 85 peratus daripada permintaan maksimum yang diisytiharkan bagi tempoh empat tahun pertama operasi. Manakala bagi tahun ke-lima hingga keenam, kadar penggunaan minimum ditetapkan pada paras 75 peratus bagi memastikan kepatuhan berterusan.

“Kegagalan mematuhi syarat

penggunaan minimum itu akan mengakibatkan pengusaha pusat data dikenakan penalti kewangan yang ketara. Dasar ini dilihat sebagai langkah proaktif kerajaan untuk memastikan infrastruktur tenaga negara tidak dibazirkan oleh unjuran permintaan yang tidak realistik daripada pelabur, sekaligus memelihara kestabilan grid nasional,” katanya.

Tambah Nabil, selain isu tenaga, situasi yang sama berlaku dalam penggunaan air, di mana penggunaan sebenar oleh pusat data di Johor masih jauh lebih rendah berbanding tahap yang dijanjikan.

“Ini menimbulkan persoalan mengenai kecekapan penggunaan sumber utiliti oleh sektor ekonomi

digital berkenaan yang sering dikaitkan dengan penggunaan sumber intensif.

“Berdasarkan data semasa, Johor kini mempunyai sekitar 15 pusat data yang beroperasi dengan penggunaan air kira-kira 18 juta liter sehari (MLD). Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding permintaan asal sebanyak 45 MLD yang dipohon, yang bermaksud hanya sekitar 40 peratus daripada kapasiti air yang ditempah sedang digunakan secara efektif oleh operator.

“Walaupun penggunaan semasa masih rendah, ketersediaan air terawat dijangka tidak mencukupi untuk menampung unjuran permintaan masa hadapan.

“Anak syarikat Ranhill Utilities

Bhd, Ranhill SAJ, menganggarkan Johor memerlukan tambahan kira-kira 1,000 MLD bekalan air terawat baharu menjelang 2030 untuk menampung keperluan industri yang semakin berkembang itu,” katanya.

Mengulas lanjut Nabil berkata, keperluan mendesak itu adalah tambahan kepada projek yang sedang dalam pembinaan ketika ini, iaitu Loji Rawatan Air Layang 2 Fasa 2 berkapasiti 160 MLD dan Loji Pakej Semangar berkapasiti 50 MLD.

“Kedua-dua projek infrastruktur air ini dijadualkan siap sepenuhnya antara 2026 hingga 2027 bagi menampung permintaan jangka pendek” katanya.